

Program pemukiman Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan

Pertemuan kali kedua tumpu hala tuju, strategi 2024

Cyberjaya: Program pemukiman Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan bermula semalam, bertujuan memberi tumpuan mengenai hala tuju dan strategi tahun 2024.

Jabatan Perdana Menteri memaklumkan, program pemukiman yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama 31 Jemaah Menteri itu juga untuk memantapkan kerja-

sama dengan kepemimpinan perkhidmatan awam.

“Program bertujuan mencapai penjajaran matlamat serta mewujudkan rasa kebersamaan dan kesatuan dalam kalangan Jemaah Menteri terhadap pelan tindakan kerajaan yang bersepadu dan tuntas berteraskan konsep *whole of government* dan *whole of nation*.”

“Program pemukiman kali ini

juga membawa matlamat untuk memantapkan sinergi dan kerjasama antara Jemaah Menteri bersama kepemimpinan perkhidmatan awam serta memberdaya iltizam dalam melaksanakan pelan-pelan tindakan untuk merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Sesi wacana forum

Program berlangsung di sebuah resort di sini, menampilkan beberapa sesi wacana forum mem-

babitkan pakar dari sektor awam, swasta, industri dan organisasi antarabangsa.

Antara perkara yang dibincang mencakupi aspek penting termasuk cabaran dan hala tuju ekonomi, kebajikan dan keselamatan sosial, pembangunan infrastruktur dan kemampanan, tadbir urus, inovasi serta komunikasi ke arah kemakmuran negara.

Terdahulu, Anwar bersama barisan Jemaah Menteri menghadiri sesi pemukiman selama dua

hari bermula jam 3 petang semalam.

Pemukiman itu adalah kali kedua selepas kali pertama dianjurkan di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana, Putrajaya pada Januari tahun lalu.

Sesi yang diadakan secara tertutup itu turut dihadiri beberapa pemimpin kanan kerajaan termasuk Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi.



Anwar bergambar bersama Jemaah Menteri dan kepimpinan perkhidmatan awam pada program pemukiman Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan di Cyberjaya, semalam.

(Foto ihsan jabatan Perdana Menteri)